

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 24 Syaaban 1445 / 5 Mac 2024

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keenam, pada hari ini Selasa, 24 Syaaban 1445 bersamaan 5 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkia).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
اللَّهُمَّ أَلْحَمْدُ لَكَ يَا اللَّهُ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keenam dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan persidangan ini kita sambung di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada hari Isnin semalam, kita telah meluluskan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum kita beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya, saya telah pun difahamkan bahawa atas sebab-sebab urusan rasmi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak dapat hadir dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini dan dalam beberapa hari yang akan datang.

Oleh yang demikian, untuk meneruskan perbahasan kita supaya tidak tergendala di Dewan yang mulia ini, saya membuat keputusan untuk menangguhkan dahulu perbahasan dan perbincangan bagi tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan sehingga kembalinya Yang Berhormat Menteri Pendidikan nanti. Sekarang kita akan beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli

Yang Berhormat, kita sekarang akan membincangkan jadual bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebelum saya membuka tajuk ini untuk dibahaskan dan dibincangkan sepertimana lazimnya, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat kenyataan tentang penyediaan belanjawan serta hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi tahun kewangan 2024/2025. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah sebelum membahaskan cadangan belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seterusnya, kaola dengan penuh hormat dan takzim bagi mewakili seluruh warga

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya ingin merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan bagi menyediakan peruntukan yang disokong untuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebanyak \$112.34 juta bagi perbelanjaan tahun kewangan 2024/2025 iaitu sebanyak \$67.39 juta di bawah peruntukan perbelanjaan biasa bagi membiayai emolumen \$41.77 juta dan perbelanjaan berulang-ulang sebanyak \$25.6 juta.

Bagi projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 harga rancangan \$ 275.09 juta telah diperuntukkan, yang mana sejumlah \$44.95 juta telah disokong untuk disediakan dibawah peruntukan perbelanjaan kemajuan bagi tahun 2024/2025. Dikesempatan ini juga kaola ingin merakamkan penghargaan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, jaminan bekalan makanan (*food security*) adalah salah satu agenda yang penting yang menjadi perbincangan utama dan perlu ditangani segera bukan sahaja di peringkat

serantau tapi juga di peringkat global termasuk negeri kita sendiri.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, walaupun kita sudah berada di fasa *endemic* dari wabak *COVID-19*, usaha-usaha dalam meningkatkan sektor perekonomian keluaran makanan dalam negara akan terus giat diusahakan. Khususnya dari segi pengeluaran pertanian, perikanan dan lain-lain produk pemprosesan berasaskan pertanian dan perikanan. Sehingga kini kita akui bahawa kita terus menghadapi pelbagai cabaran semasa berkaitan isu-isu global seperti konflik geopolitik, gangguan rangkaian perbekalan, perubahan iklim dan situasi ekonomi tidak menentu antaranya telah membawa kepada isu kenaikan kos pengeluaran dan pengimportan makanan berikutan peningkatan kos logistik dan pengangkutan dan juga termasuk peningkatan kos bagi bahan input ladang seperti bekalan biji benih, benih ikan, baja, makanan ternakan dan lain-lain yang kebanyakannya masih bergantung tinggi kepada import.

Walau bagaimanapun *إِنْ شَاءَ اللهُ* melalui perancangan dan pelaksanaan beberapa program dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh pihak kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan di bawahnya dan dengan komitmen serta kegigihan para-para pengusaha, peladang, petani, penternak dan nelayan yang berkenaan juga melalui kerjasama dan kolaborasi bersama agensi-agensi dan lain-lain pihak yang berkenaan melalui pendekatan *whole of nation* dan *whole of government*, isu dan cabaran yang

dihadapi akan dapat kita tangani bersama. Kita akui cabaran-cabaran yang dihadapi ini sedikit sebanyak menjejaskan prestasi keluaran dari sektor makanan berbanding dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kita masih dapat menyumbang di dalam menjana bekalan makanan-makanan seperti ayam, telur ayam, ikan, beras dan sayur bagi penduduk negara.

Secara keseluruhannya, prestasi keluaran dari sektor makanan yang merangkumi keluaran dari industri pertanian dan agri2makanan dan juga industri perikanan telah mencatatkan penurunan sekitar 9% iaitu daripada \$786.92 juta pada tahun 2022 kepada \$716.3 juta pada tahun 2023 yang secara amnya disumbangkan oleh penurunan nilai keluaran dari industri pertanian dan agrimakanan sekitar 4.5% iaitu daripada \$575.71 juta pada tahun 2022 kepada \$549.75 juta pada tahun 2023 dan industri perikanan sekitar 21.1% iaitu dari \$211.21 juta pada tahun 2022 kepada \$166.57 juta pada tahun 2023.

Keluaran bagi komoditi kerbau da lembu menurun kerana permintaan bekalan daging lembu dan kerbau segar (penyembelihan ternakan hidup import) telah kembali pulih seperti biasa iaitu daripada sebelumnya penularan wabak *COVID-19* pada tahun 2020/2021. Peningkatan keluaran daging kerbau dan lembu pada tahun 2020/2021 adalah disebabkan peningkatan penyembelihan ternakan import kerbau dan lembu hidup untuk membekalkan sumber daging

merah bagi penduduk Negara Brunei Darussalam memandangkan bekalan daging kerbau dan lembu beku import telah tidak dapat diperolehi kerana sekatan pergerakan dan masalah logistik ekoran wabak *COVID-19*. Walau bagaimanapun, pengimportan kerbau dan juga lembu beku sudah mula dilaksanakan pada tahun lepas. Ini adalah bagi memastikan bekalan daging serta harga stabil bagi kegunaan rakyat dan penduduk negara ini.

Keluaran industri akuakultur khususnya ternakan udang telah menurun sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkitan penyakit udang kepada ternakan syarikat udang terbesar di negara ini. Ini juga melibatkan keluaran produk perikanan berproses terjejas memandangkan udang adalah bahan mentah yang diperlukan.

Selain daripada itu, dari segi pencapaian sara diri bagi komoditi-komoditi utama yang diberikan tumpuan, kita telah mencapai 100% sara diri bekalan ayam pedaging dan telur ayam, dan 71% sara diri bagi bekalan ikan dan udang. Manakala bagi sayur tropika dan buah tropika masing-masing mencapai sekitar kiraan 72% dan 42% sara diri dan beras sekitar 8% sekitar sara diri. Pihak kementerian berazam akan terus berusaha untuk meningkatkan keluaran komoditi-komoditi utama di bawah sektor pertanian dan perikanan ini, bukan saja untuk memastikan bekalan-bekalan di negara ini adalah terjamin tetapi juga untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah dan nilai eksport.

Dalam usaha ke arah meningkatkan pengeluaran padi dan beras pula, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan meneruskan usaha-usaha penyelidikan padi bagi mengenal pasti *variety* padi unggul, berhasil tinggi dan menepati cita rasa pengguna dengan terus menjalin serta mengukuhkan kerjasama bersama dengan agensi-agensi dan institusi-institusi penyelidikan termasuklah dengan *Hunan Hybrid Rice Research Centre* dan *Yuan Longping High Tech Agriculture Co. Ltd.* daripada Republik Rakyat China dan daripada *International Rice Research Institute (IRRI)* yang berpangkalan di Republik Filipina, dengan sasaran untuk meningkatkan keluaran padi bagi Kawasan Berpengairan dari 5-6MT/ha semusim melalui penanaman *variety* padi Sembada188 dalam masa ini kepada 7 - 8MT/ha semusim di masa terdekat ini. Ke arah ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang giat melaksanakan projek rintis penanaman beberapa *variety* padi *hybrid* yang berpotensi mengeluarkan sebanyak 7.5MT/ha semusim.

Di samping itu, Jabatan juga menumpukan usaha kajian untuk meningkatkan produktiviti ladang di kawasan yang tidak berperairan (*non-irrigated*) iaitu dari 1MT/ha kepada 3MT//ha semusim. Pada masa ini, terdapat 4 jenis *variety* padi bagi kawasan *non-irrigated* telah pun dikenal pasti dan dibuat *trial* (percubaan) di Daerah Temburong.

Selain dari itu juga melalui usaha dan kerjasama berterusan di antara pihak jabatan yang berkenaan di bawah kementerian ini dan juga dengan komitmen serta kesungguhan para pengusaha dan lain-lain pihak berkenaan, kita telah berjaya:

1. Mengeksport telur ayam ke Singapura buat pertama kalinya pada 1 Februari 2023 sekitar 300 ribu biji telur ayam telah berjaya di eksport ke Singapura dan setakat bulan Februari 2024 yang lalu sekitar 6 juta biji telur ayam yang bernilai hampir \$1.1 juta telah dieksport dan ini akan terus dipertingkatkan di masa akan datang.
2. Bagi industri tanaman, kita juga berjaya mengeksport buah pisang *cavendish* ke Sarawak bermula Mei 2023 dan setakat bulan Februari 2024, kita telah berjaya mengeksport lebih daripada 2.5 tan metrik buah pisang *cavendish*.
3. Dari segi eksport perikanan, selain daripada eksport udang yang dihasilkan dari Syarikat Golden Corperation Sdn Bhd, tuna dari *Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd* dan *Syarikat Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn Bhd*, kita juga buat pertama kali telah berjaya mengeksport *fillet* ikan selungsong (*seabass*) iaitu produk berproses dan tambah nilai yang dihasilkan oleh Syarikat FDI *Barramundi Group Brunei Sdn Bhd* yang telah dieksport ke Singapura mulai November 2022

dan setakat bulan Mac 2024 syarikat ini telah mengeksport ikan beku sejumlah 3.6 tan metrik bernilai \$0.06 juta.

4. Selain daripada itu, kita menggalakkan nilai kepada keluaran makanan kita yang mana pengusaha telah menghasilkan produk pemprosesan berasaskan daging dan produk makanan berproses lain yang juga telah berjaya menembusi pasaran Sabah, Sarawak dan Singapura dengan nilai eksport sekitar \$0.36 juta.
5. Kementerian ini melalui jabatan-jabatan berkenaan akan terus bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha dan lain-lain pihak yang berkenaan dalam membuat penyelarasan, perancangan dan persiapan bagi mengeksport produk-produk hasil pertanian dan pengusaha yang lainnya seperti daging ayam, produk berproses berasaskan daging dan lain-lain terutama sekali dalam menekankan kepentingan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh negara pengimport seperti memastikan aspek keselamatan makanan dipenuhi dan rantaian nilai (*value-chain*) bagi industri-industri di bawah sektor pertanian ini akan terus diperkukuhkan.
6. Sebagai usaha berterusan untuk membantu para pengusaha dan peladang dalam memasarkan hasil ladang masing-masing secara

langsung kepada orang ramai, pihak kementerian telah merencanakan semula program 'Pasar Kitani' di Pusat Agribisnis Rimba Gadong dan diharap akan dapat memberikan semangat para-para Pengusaha Microkecil dan Sederhana (MKS) untuk berusaha lebih gigih bagi meningkatkan keluaran hasil ladang di masa akan datang bagi menjana sumber pendapatan mereka.

7. Dalam usaha ke arah mengukuhkan nilai eksport keluaran negara terus meningkat dari Negara Brunei Darussalam khususnya pasaran China, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah pun menandatangani dua perjanjian dengan *General Administration Of Customs (GACC), Republik Rakyat China* iaitu "*Protocol On Inspection, Quarantine And Veterinary Sanitary Requirements For Wild Aquatic Products*" dan "*Protocol On Inspection Quarantine And Veterinary Sanitary Requirements For Cultured Aquatic Products*". Ini akan dijangka membuka peluang yang lebih luas untuk meningkatkan eksport dari 176 jenis produk-produk perikanan ke Negeri China.

Dalam perkembangan sektor pelancongan pula, kementerian ini telah berjaya mengadakan beberapa siri aktiviti bagi mendukung perkembangan, merangsang aktiviti-aktiviti perekonomian berkaitan dengan perindustrian pelancongan di negara ini.

Pelancongan domestik dan antarabangsa antaranya seperti melalui penganjuran program seperti 'Kenali Negara Kitani (KNK)' telah diungkayahkan bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran di kalangan bukan saja pelancong luar negeri malah penduduk tempatan mengenai produk-produk pelancongan domestik dan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan di setiap daerah.

Dalam usaha untuk menarik pelancong asing di negara ini dan berbelanja di dalam negeri, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga giat menganjurkan acara-acara dalam negeri seperti:

1. *Brunei December Festival* setiap tahun sejak 2013 yang mana pada 2023 sebanyak 53 acara diadakan yang meliputi acara-acara islamik, makanan dan kulinari, sukan, pengembaraan dan rekreasi, kesenian dan kebudayaan, teknologi digital dan *ICT* serta membeli belah. Tambahan lagi di dalam *Brunei December Festival* ini juga sebanyak 31 promosi hotel dan tempat penginapan telah diungkayahkan, 51 pakej-pakej 'Kenali Brunei Kitani' dari agen-agen pelancongan dan sebanyak 28 promosi makanan dari restoran telah dikongsikan dalam *Brunei December Festival*. Di samping itu, *Brunei December Festival* juga mengetengahkan *Local Product Expo* bertujuan bukan saja untuk menyediakan platform kepada para pengusaha tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka secara langsung kepada pembeli. Tetapi juga secara tidak langsung menyediakan tarikan tambahan bagi mendukung pelancong domestik dengan mengalakkan berbelanja di musim percutian hujung tahun.;
2. Penganjuran *Brunei Mid-year Conference and Exhibitions 2023 (Brunei MYCE 2023)* bagi mempelbagaikan lagi produk pelancongan di negara ini yang memfokuskan kepada acara-acara berbentuk perkongsian ilmu, percambahan fikiran, pemberigian penemuan-penemuan baharu dalam pelbagai bidang dan meningkatkan aktiviti-aktiviti *networking* dan perniagaan di kalangan para ilmuwan dan para pengusaha di dalam dan luar negara.; dan
3. Penganjuran *Brunei Gastronomy week* yang mula dikenalkan tahun 2016 dan pada tahun 2024 telah diberikan penjenamaan baharu (*rebranding*) sebagai *Brunei Gastronomy Festival* yang berjalan selama sebulan sejak 23 Februari yang lalu sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 tahun. Strategi utama *Brunei Gastronomy Festival 2024* ini adalah untuk memberi peluang dan menarik lebih banyak penyertaan dari restoran, hotel dan para pengusaha penyedia makanan di samping menarik orang ramai, pengunjung dari luar negara dan juga dalam negeri untuk menikmati makanan di negara ini. Setakat ini lebih

daripada 30 buah restoran telah pun ikut serta dalam *Brunei Gastronomy Festival 2024* ini.

Ke arah mengukuhkan lagi promosi pelancongan yang disasarkan secara khusus di pasaran luar negara antara aktiviti promosi dan pemasaran antarabangsa yang telah dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah:

1. Mengadakan pemasaran *digital* melalui kolaborasi dengan *Online Travel Agencies (OTAs)* antarabangsa seperti *Expedia, Tripadvisor* dan *Agoda* dengan menawarkan kempen-kempen khususnya bagi mempromosikan pakej-pakej eko pelancongan pengembaraan (*adventure*) dan kebudayaan (*culture*). Di samping itu juga jabatan telah mengenal pasti dan bekerjasama dengan pihak-pihak pengaruh media sosial antarabangsa, (*international social influencer*) bagi memanfaatkan jangkauan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan. Antara *social influencers* yang telah dijemput untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam antaranya ialah *influencers yang mempunyai banyak followers termasuklah 1 orang influencer* masing-masing daripada pelbagai negara seperti Singapura, United Arab Emirates, Canada, Australia dan 3 orang *influencers* daripada Republik Korea.;
2. Mengukuhkan usaha pemasaran dan menyertai pameran dan ekspo pelancongan ke Republik Korea, Jepun, Australia dan Republik Rakyat China.;
3. Kementerian ini juga akan mengungkapahkan jerayawara seperti yang telah diadakan baru-baru ini di Singapura dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan tempatan dan ejen-ejen pelancongan asing untuk menyediakan pakej-pakej tawaran yang khusus kepada pasaran masing-masing dan juga mengadakan *one to one networking sessions* bagi agensi-agensi pelancongan tempatan dan juga luar negeri bagi memupuk kerjasama pertukaran pengetahuan dan perkembangan perniagaan.; dan
4. Di samping itu, mengadakan lawatan suai kenal (*familiarisation tour*) bagi ejen-ejen pelancongan asing dan membina rangkaian pengetahuan dan mendapatkan 'first hand experience' dengan melawat sendiri ke sebuah destinasi pelancongan di negara ini. Lawatan suai kenal ini turut dikendalikan oleh media juga agen pelancongan serta

dengan kerjasama berbagai pihak seperti *Royal Brunei Airlines*, *Association of Travel Agents Brunei*, *Brunei Association of Hotels*. Pada tahun 2023 lebih 50 ejen-ejen pelancongan dan media dari 5 buah negara telah dijemput dan berjaya menarik pelancong ke negara ini seperti dari Vietnam, United Kingdom, Jepun, Hong Kong dan juga Taipei.

Pada masa ini terdapat 48 ejen pelancongan yang berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan. Dari jumlah ejen tersebut lebih kurang 10 ejen pelancongan yang giat melaksanakan aktiviti pelancongan *inbound* iaitu membawa pelancong masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara dan kapal persiaran. Kementerian ini menyeru ejen-ejen pelancongan yang lain untuk lebih proaktif dalam melaksanakan aktiviti pelancongan *inbound* untuk menarik lebih ramai pelancong untuk datang dan berbelanja di negara ini bagi menyumbang secara signifikan kepada KDNK dan mengimbangi aliran keluar mata wang negara keluar negeri.

Dari aspek pembangunan dan penyediaan pakej-pakej pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan memfokuskan dalam tiga tahun ini kepada alam semulajadi, kebudayaan dan pengembaraan. Di samping itu menyediakan pakej-pakej yang menjadi tarikan pasaran tertentu seperti *Educational Tourism Package*, *Golf Tourism* dan sebagainya. Dalam

hubungan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan di negara ini akan terus mengusahakan pembuatan pakej-pakej lawatan yang khusus dengan tema dan jalan cerita yang menarik seperti:

1. Menerokai dan membangun pakej-pakej alam semulajadi antaranya *River Trail Packages* iaitu dengan menyusuri Sungai Brunei, Sungai Kedayan, Sungai Temburong, yang mana kawasan tersebut mempunyai pelbagai jenis burung dan hidupan liar yang mudah dilihat. Dengan adanya projek ini, jabatan berhasrat untuk menjadikan sungai sebagai laluan alternatif untuk orang ramai dan pelancong dengan tujuan menawarkan pengalaman perjalanan yang lebih menarik sambil menikmati hidupan liar dan biodiversiti dengan menggunakan bot. Oleh yang demikian, jabatan ini telah meneliti infrastruktur yang sedia ada di kawasan tersebut termasuk jeti-jeti. Keutamaan diberikan kepada keselamatan jeti dan bot bukan sahaja bagi orang ramai malahan juga kepada para pelancong. Jabatan ini bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Kerja Raya untuk sama-sama meneliti infrastruktur jeti di kawasan tersebut.;
2. Dari segi kebudayaan pula, jabatan dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan ejen-ejen pelancongan telah

menyediakan beberapa pakej-pakej seperti "Brunei Bah Makan" yang merangkumi segala juadah makanan tempatan yang lazat seperti ambuyat dan ayam buluh sambil melawat tempat-tempat ikonik di Bandar Seri Begawan, beramah mesra dengan rumah-rumah yang terletak di Kampung Air, Pasar Malam Gadong, lawatan ke Muzium, menyaksikan dan menyertai sendiri aktiviti menenun kain tenunan di Pusat Kesenian dan Kraftangan, lawatan ke masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Omar Âli Saifuddien dan Daerah Temburong.;

3. Selain dari pelancongan alam sekitar dan budaya, Negara Brunei Darussalam juga sekian lama mempromosikan pakej pelancongan Islam yang bukan sahaja terhad kepada lawatan ke masjid-masjid tetapi juga memaparkan kebudayaan Islam dan kehidupan seharian kita. Antara Pakej Pelancongan Islam yang ditawarkan ialah:

1. Lawatan ke masjid-masjid (Masjid Tour).;
2. Lawatan Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.;
3. Lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam usaha untuk membantu ejen pelancongan menghasilkan pakej yang menarik, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama *EGNC* sedang menyediakan sebuah direktori atas talian yang menyenaraikan tempat-tempat tarikan pelancong, penyediaan perkhidmatan pelancong serta tempat penginapan dan *food and beverages*. Melihat dengan adanya direktori tersebut akan memudahkan pihak-pihak ejen pelancongan akan dapat menyediakan pakej-pakej yang berkualiti dan menarik. Dari aspek infrastruktur dan prasarana pelancongan di negara ini, kementerian akan secara berterusan giat melaksanakan kerja-kerja menaik taraf supaya tempat-tempat pelancongan adalah lebih kondusif contohnya pembinaan laluan konkrit bagi Kampung Lurong Sikuna menuju ke Kampung Pekan Lama dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Pembangunan, yang memudahkan pelancong untuk melawat dan menikmati suasana Kampung Air dengan mudah dan selamat.

Di samping itu, papan-papan tanda jalan tempat tarikan pelancongan di Daerah Temburong dan Daerah Tutong khususnya di bahagian Lebuh raya Tutong-Telisai ke Kampung Tanjong Maya dan Kampung Lamunin juga telah dipasang untuk memudahkan dan mendedahkan pengunjung dan pelancong mengenai beberapa aktiviti pelancongan yang terdapat di kawasan berkenaan.

Dalam menangani isu kebersihan tandas awam, tidak dinafikan bahawa keadaan tandas awam di negara ini sangat mendukacitakan dan tidak dipelihara dengan baik. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kebersihan Tandas Awam dan Swasta yang dipengerusikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang giat menjalankan pengauditan tandas-tandas awam menurut Piawaian Brunei Darussalam (PBD) 32:2017 di bawah *ASEAN Public Toilet Standard*. Tujuan ini adalah untuk menghasilkan peningkatan kualiti tandas awam dalam beberapa bidang utama termasuk kepuasan pelanggan, pelancong dan memupuk etika tandas yang baik.

اللّٰهُمَّ بِالله Negara Brunei Darussalam telah memperolehi beberapa anugerah melalui *ASEAN Public Toilet Awards* sejak tahun 2019, antaranya terdiri daripada tandas-tandas awam di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Muzium Teknologi Brunei, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan beberapa restoran tempatan dan tempat tarikan di negara ini.

Mengenai dengan meningkatkan kapasiti ilmu pengetahuan dan kemahiran pemandu-pemandu pelancong untuk memperkayakan pengalaman kepada pelancong untuk memperkayakan pengalaman kepada pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menyediakan Buku Panduan (*Tour Guide Trails*) yang akan diserapkan dalam *Basic Tour Guide Course* bagi tempat-tempat pelancongan seperti Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak (Daerah

Belait), Tasek Lama (Daerah Brunei dan Muara), Taman Negara Ulu Temburong dan akan dilartkan lagi ke beberapa kawasan pelancongan yang lain.

اللّٰهُمَّ بِالله dengan adanya kelonggaran terhadap langkah-langkah pengawalan bagi membendung penularan *COVID-19* pada tahun lepas, jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan peningkatan daripada seramai 35,701 orang pelancong pada tahun 2022 kepada seramai 133,630 orang pelancong pada tahun lepas.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan keluaran dari industri-industri di bawah sektor sumber-sumber utama, pihak kementerian tidak lupa akan kepentingan untuk melibatkan para belia. Penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan adalah sangat penting kerana golongan ini adalah merupakan tonggak yang bakal menyambung dan menerajui kepimpinan kemajuan negara pada masa depan.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya telah dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi menarik lebih banyak lagi penglibatan para belia dalam bidang ini.

اللّٰهُمَّ بِالله sejak beberapa tahun kebelakangan ini, melalui pelaksanaan program-program seperti Program Projek Rintis Pertanian, Program

Pembesaran Perusahaan (*contract farming*), Program Pendedahan Belia Pertanian dan sebagainya, secara tidak langsung telah berjaya menarik penglibatan beberapa pengusaha belia dalam bidang pertanian termasuk perikanan.

Secara keseluruhannya, jumlah pengusaha belia yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan adalah seramai 155 orang pada tahun 2023. Daripada pengusaha belia ini, seramai 148 orang bergiat aktif dalam bidang pertanian dan 7 orang dalam bidang perikanan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada para belia yang pada masa ini sedang mencari perkerjaan untuk tampil ke hadapan dan menjadikan aktiviti perusahaan dalam bidang pertanian dan perikanan sebagai salah satu bidang pilihan pekerjaan atau kerjaya tetap bagi menjana sumber pendapatan dan pada masa yang sama turut menyumbang ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi negara, menjamin sekuriti makanan dan eksport.

Selain daripada inisiatif-inisiatif dan program-program yang menumpukan kepada golongan belia, pihak kementerian juga memberikan perhatian serta dukungan kepada pelaksanaan program dan inisiatif melibatkan penyertaan masyarakat serta penduduk kampung. Misalnya dalam aktiviti-aktiviti dalam ladang komunal (*community farming*) di kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB), termasuk dalam

mendukung inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Ke arah ini, kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga *Darussalam Enterprise (DARE)* dalam membantu serta mengukuhkan lagi kapasiti pengeluaran (*production capacity*) dan saluran pasaran (*market outlets*) bagi produk-produk yang dihasilkan oleh masyarakat dan komuniti kampung yang terlibat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya akan terus berusaha bagi memastikan keluaran dan sumbangan dari sektor sumber-sumber utama dan pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi akan terus meningkat setiap tahun dan seterusnya menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Ke arah ini, penekanan utama dalam cadangan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini memfokuskan kepada perancangan dan pelaksanaan program dan inisiatif yang menjurus kepada usaha-usaha untuk:

1. Mendukung pertumbuhan serta peningkatan pengeluaran industri di bawah Sektor Makanan.;
2. Mendukung Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Hutan, bukan

sahaja ke arah pemuliharaan alam sekitar, malah juga bagi menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negara; dan

3. Mendukung Pertumbuhan dan Pembangunan Industri Pelancongan. Dalam mendukung pertumbuhan dan meningkatkan dari sektor makanan, ia bukan sahaja memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti keluaran primer (*primary production*) tetapi juga memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian, perikanan termasuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem dan rantaian nilai yang berkaitan dengan industri ini.

Penekanan utama penggunaan peruntukan pada tahun ini akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menaik taraf dan menyediakan infrastruktur asas industri yang diharap semua Kawasan Kemajuan Pertanian mempunyai bekalan elektrik, air dan saluran yang mencukupi dan kondusif. Ini adalah bagi memudahkan para pengusaha untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan dan penyumbangan kepada *Food Security* negara.

Keutamaan juga akan diberikan kepada pelaksanaan program-program meningkatkan kapasiti dan keupayaan

jabatan-jabatan sebagai *Competent Authority*. Ini termasuklah dalam meningkatkan keselamatan makanan (*food safety*) dan kualiti makanan serta memudah cara akses pasaran melalui fasiliti seperti makmal rujukan yang diiktiraf dan kepakaran melalui *Qualified Personnel* bagi memenuhi piawaian dan amalan terbaik antarabangsa seperti *Good Agricultural Practice (GAP)*, *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*, *Good Aquaculture Practice (GSqP)* dan *HACCP*.

Selain itu, peruntukan ini juga akan disalurkan kepada usaha menggalakkan para pengusaha mengguna pakai teknologi dan teknik moden seperti penanaman sayur menggunakan sistem *aquaponics*, penggunaan tenaga suria, sistem titis dan *vertical farming* dalam rumah terlindung, sistem bermeja yang bersesuaian untuk diguna pakai bagi kawasan yang mudah banjir, *Recirculating Aquaculture System* bagi ternakan ikan dan udang, sistem *Internet of Things* bagi pemantauan kualiti air, seterusnya menggunakan teknologi dron bagi penyemburan racun dan pemantauan penggunaan *data analytics* di ladang-ladang padi, mempraktikkan amalan pengurusan ladang dan tadbir urus yang baik (*good farm management and governance*) serta memastikan dan menggalakkan lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha baharu untuk berkecimpung dalam bidang pertanian dan perikanan dan sebagainya.

Fokus dan penekanan ini adalah selaras dengan Peta Jalan Industri Makanan (*Food Industry Roadmap*) yang menjadi

asas panduan ke arah memacu pertumbuhan dan meningkatkan keluaran sektor makanan khususnya keluaran makanan yang halal, selamat dan berkualiti. Dengan adanya perkembangan dan pertumbuhan keluaran yang positif serta mengukuhkan keseluruhan ekosistem dan rangkaian nilai yang berkaitan dengan industri di bawah sektor makanan ini, ia diharapkan dapat menyumbang secara signifikan kepada peningkatan KDNK, *food security* dan juga kepada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

Isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan perubahan iklim juga terus diberikan perhatian oleh pihak kementerian sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Dengan mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan negara, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam melindungi serta memulihara sumber hutan negara termasuk mempelbagaikan biologi akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agar aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan pembangunan lestari dan pada masa yang sama bagi mendukung pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, pihak kementerian juga akan terus mengenal pasti langkah-langkah dan pendekatan yang inovatif bagi meningkatkan keluaran dari segi perhutanan. Dalam usaha menjana dan meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui sektor perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang bekerjasama dengan pihak Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (*Brunei Climate Change Secretariat*) bagi melaksanakan projek karbon. Projek ini juga mendukung strategi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam khususnya dalam Strategi 6 iaitu *Carbon Pricing*.

Dalam merealisasikan inisiatif ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

1. Projek Inventori Sumber Hutan bagi mendapatkan data terkini mengenai kapasiti penyerapan karbon (*carbon sink*) sumber hutan di negara ini untuk menjadikan *baseline data*;
2. Bagi mengesahkan dapatan daripada data projek tersebut adalah lengkap, tepat dan sahih, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang bekerjasama dengan *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA)*;
3. Salah satu kriteria projek karbon adalah dengan pelaksanaan penanaman pokok-pokok baru. Ke arah ini, Jabatan Perhutanan

telah mengenal pasti kawasan-kawasan *degraded* yang berpotensi untuk dijadikan kawasan bagi projek karbon dan seterusnya akan dilaksanakan menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus membuat perundingan dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan bagi menerokai potensi negara untuk meraih manfaat dari perdagangan karbon di masa hadapan.

Seterusnya, bagi menangani masalah konflik manusia dan buaya, beberapa inisiatif telah dilaksanakan melalui Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan seperti berikut:

1. Sebagai tindakan serta merta dan berterusan, pemasangan tanda amaran buaya telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memberikan peringatan dan amaran kepada orang ramai mengenai keberadaan buaya. Setakat ini, sebanyak 100 papan tanda telah dipasang di seluruh negara yang meliputi keempat-empat daerah. Program kesedaran awam juga telah diadakan yang bertujuan untuk memberigakan maklumat dalam menangani konflik manusia dan buaya serta usaha dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Program kesedaran awam ini dimaksudkan untuk meliputi dialog atau jerayawara dan pemberigaaan melalui media sosial dan media masa. Sejak tahun 2023 sehingga kini, sejumlah 28 program kesedaran awam telah dilaksanakan.
2. Program Tangkap Buaya Bersama (PTBB) diperkenalkan dalam menangani konflik buaya dan manusia di Kampung Air sejak Februari 2023. Sejumlah 51 set jail telah dipasang di Mukim Tamoi, Burong Pingai, Saba, Peramu dan Sungai Kebun.
3. Jabatan Perhutanan dengan kolaborasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menangani konflik manusia dan buaya serta mengadakan aktiviti bersepadu termasuk rondaan dan program kesedaran awam.
4. Jabatan Perhutanan telah mendapatkan sumber khidmat pakar menangkap buaya dari luar negeri untuk membuat tangkapan yang lebih efektif.
5. Pada masa ini, pihak Jabatan Perhutanan sedang menjalankan kajian populasi buaya berdekatan dengan kawasan Kampung Air. Kajian ini merupakan langkah mandatori untuk mendapatkan pertimbangan dari sekretariat *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)*, sebelum buaya-buaya dapat dimanfaatkan dari segi

ekonomi. Selain ini, kajian telah mencapai 90% kesiapan bagi Kawasan Daerah Brunei Muara. Kajian ini akan dilaratkan kepada Sungai Temburong, Sungai Belait dan juga Sungai Tutong.

6. Jabatan Perhutanan juga sedang dalam perancangan untuk menjayakan *Crocodile Rescue Estate* bagi menempatkan buaya-buaya yang telah ditangkap untuk dimanfaatkan bagi aspek ekonomi secara mampan. Diharapkan pada masa akan datang akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta.

Manakala bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan, pihak kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang dalam proses penyediaan dan pengemaskinian hala tuju strategi dan inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti untuk dilaksanakan seperti yang dirancang di dalam Peta Jalan Industri Pelancongan (*Tourism Industry Roadmap*).

Jabatan akan terus memberikan penekanan kepada usaha-usaha ke arah pembangunan, mempelbagaikan, mengukuhkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan (*culture*) dan juga alam semula jadi selain memastikan kemudahan, infrastruktur serta pemberian perkhidmatan pelancongan akan terus dipertingkatkan bagi menarik serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini.

Di samping itu, selain daripada menggalakkan kedatangan pelancong luar negeri, pihak kementerian juga akan terus mengusahakan untuk mempromosikan pelancongan domestik melalui program-program seperti Kenali Negara Kitani, *Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE)*, *Brunei December Festival*, *Local Product Expo*, dan *Brunei Gastronomy Festival* dan sebagainya bagi menggalakkan penduduk di negara ini untuk bercuti dan berbelanja di negara sendiri, terutama sekali semasa musim percutian sekolah, bagi merangsang serta menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ke arah mendukung pertumbuhan serta peningkatan keluaran dari sektor makanan:

1. Di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang, sekitar \$9 juta disediakan untuk membiayai skim pembelian semula padi, bagi mendukung program pengeluaran beras negara yang termasuk membiayai pembelian padi daripada peladang-peladang, pembelian biji benih padi *hybrid* berhasil tinggi dan pembiayaan perkhidmatan pemprosesan padi kepada beras dan lain-lain.;
2. Di bawah peruntukan Perbelanjaan RKN Ke-12, Harga Rancangan sebanyak \$237.06 juta juga telah disediakan untuk membiayai projek-

- projek utama dan mengukuhkan rantaian nilai industri makanan bagi sektor pertanian dan perikanan, antaranya:
- i. Program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana Keluaran Dalam Negeri Kasar sejumlah \$17.55 juta.;
 - ii. Rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluaran berjumlah \$18.1 juta.;
 - iii. Penyediaan infrastruktur bagi peningkatan industri pertanian di seluruh negara bagi Fasa 1 dan 2 sejumlah \$90 juta.;
 - iv. Program peningkatan hasil pengeluaran industri padi bagi mendukung sekuriti makanan negara berjumlah \$1.82 juta, iaitu bagi menaik taraf dan menambah fasiliti infrastruktur penyelidikan dan pembangunan padi seperti pembinaan sebuah *cage house* serta menaik taraf *cage house* sedia ada dengan sistem pengairan dan membina makmal fasiliti pembiakbakaan padi serta fasiliti penyimpanan biji benih (*cold storage*) dan alat-alat penyelidikan padi bagi meningkatkan kapasiti dan kompetensi dalam penyelidikan padi.;
 - v. Program peningkatan kapasiti sistem pengairan di kawasan kemajuan pertanian seluruh negara Fasa 2 berjumlah \$68.26 juta.;
 - vi. Program pembinaan infrastruktur sistem pembentungan dan saliran sisa buangan berjumlah \$38.95 juta.;
 - vii. Ke arah meningkatkan pengeluaran perikanan, kementerian memperuntukkan \$4 juta untuk menyediakan dan menaiktaraf infrastruktur bagi kemudahan nelayan kecil-kecilan bagi meningkatkan kapasiti kemudahan penempatan treler bagi penurunan dan kenaikan perahu, dan penyediaan infrastruktur asas bagi meningkatkan keselamatan untuk nelayan kecil-kecilan beroperasi.;
 - viii. Memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur diberikan peruntukan sejumlah \$10.53 juta.;
 - ix. Meningkatkan infrastruktur di kawasan tapak-tapak akuakultur yang sedia disediakan berjumlah \$1.9 juta.;
 - x. Membuka dan memajukan kawasan tapak akuakultur yang baharu sebanyak \$1.59 juta.
- Ke arah mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan negara, sekitar \$18.45 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN-12 bagi membiayai

program ke arah mengukuhkan kelestarian alam sekitar, antaranya pelaksanaan projek-projek penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*, peningkatan aktiviti pemuliharaan hutan dan persijilan hutan.

1. Selain itu, sebanyak \$1.5 juta disediakan bagi Pensijilan Pengurusan Hutan yang mampan.;
2. Program meningkatkan pemuliharaan hutan bagi mendukung alam sekitar bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan perubahan iklim dan membolehkan penjualan karbon melalui perdagangan karbon berjumlah \$5.21 juta.;
3. Meningkatkan bekalan stok kayu-kayan melalui kaedah perladangan hutan berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan berjumlah \$8 juta;
4. Meningkatkan bekalan stok kayu-kayan melalui Kaedah Penanaman Mengaya (*Silvicultural Enrichment Planting*) berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan berjumlah \$2.1 juta;
5. Meningkatkan pengeluaran hasil hutan melalui pembinaan stesen pemeriksaan dan kawalan pengeluaran hutan sebanyak \$0.85 juta;

Manakala, bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri

perancangan, sekitar \$7.32 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN Ke-12 bagi mengukuhkan produk-produk perancangan.

Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan perancangan ini, pihak kementerian tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada pembiayaan kerajaan semata-mata, tetapi juga menerokai kaedah serta pendekatan yang lebih efisien yang dapat mengurangkan pergantungan kepada peruntukan kerajaan semata-mata, misalnya melalui *PPP*, sepertimana yang pada masa ini yang telah dilaksanakan bagi projek pembinaan restoran di Bukit Patoi yang boleh dikunjungi oleh perancang-perancang tempatan dan asing.

Di bawah peruntukan RKN-12 projek-projek yang dirancang bagi sektor perancangan adalah menaik taraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong sebanyak \$1.58 juta termasuk menaik taraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan-kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong. Selain itu, Jabatan Kemajuan Perancangan juga berhasrat untuk menaik taraf bangunan Galeri Kebudayaan dan perancangan Kampung Air berjumlah \$1.36 juta bagi mengubah suai dalaman bangunan dan menyediakan peralatan interaktif menggunakan kaedah teknologi digital.

Mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan perancang di Negara Brunei Darussalam sejumlah \$3 juta iaitu menaik taraf dan menyediakan beberapa kemudahan bagi keselamatan dan

keselesaian para pengunjung dan pelancong seperti jeti-jeti di sepanjang Sungai Brunei, Sungai Kedayan, Sungai Menglait untuk mendukung pembangunan aktiviti pelayaran sungai dan pelancongan menyelam (*dive tourism*) di Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan kualiti industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam sejumlah \$1 juta bagi Piawaian Pelancongan Hijau, Penilaian Premis Bintang Pelancongan dan Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja dalam industri pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus komited untuk melaksanakan program serta inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan mengenal pasti serta memikirkan strategi-strategi dan inisiatif baharu bagi memastikan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan juga perhutanan serta pelancongan akan terus menerus meningkat dengan mengiatkan lagi usaha bagi menarik penglibatan pengusaha-pengusaha baharu dalam pertanian dan perikanan termasuk penglibatan-penglibatan pengusaha tempatan, *GLC's* dan Pelaburan Langsung Asing. Kementerian ini juga mengalakkan para pengusaha-pengusaha yang berkenaan agar sentiasa komited, progresif dan bersemangat untuk mengembang majukan perusahaan serta aktiviti perdagangan mereka masing-masing, mengguna pakai teknologi serta teknik

moden dan mengamalkan urus tadbir yang baik bagi memastikan keluaran akan terus meningkat dari tahun ke tahun menyumbang secara signifikan ke arah pertumbuhan KDNK seperti makanan dan eksport dan menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Dalam hubungan itu, pendapat, saranan dan buah fikiran dari Ahli-Ahli Yang Berhormat amat dialu-alukan bagi membantu pihak kementerian menjalankan amanah dan tanggungjawab ini bagi kesejahteraan rakyat dan negara.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan pencapaian dan perkembangan terkini aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas penerangan yang cukup komprehensif berkenaan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama adan Pelancongan sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Maka, saya akan memberikan laluan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dan seterusnya kemudian bagi Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan atau pun *responds*.

Saya memulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola sukacita merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkenaan dengan mukadimah yang cukup bererti tentang hala tuju dan perancangan ke arah kemajuan yang diharapkan.

Kaola menyokong penuh atas saranan rakan kaola Yang Berhormat Chong Chin Yee dalam mengetengahkan ambuyat sebagai makanan eksotik yang digemari oleh penduduk tempatan dan pelancong. Ambuyat juga menjadi pilihan di restoran

mahu pun makan bersama keluarga di rumah.

Daerah Tutong pernah menganjurkan Karnival Makanan Tutong pada tahun 2018 dan 2019, yang mana karnival ini telah mengetengahkan ambuyat sebagai aktiviti utama di acara berkenaan yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai.

Selain daripada itu, produk-produk hiliran daripada sagu juga dapat dihasilkan oleh pengusaha tempatan seperti biskut sagu produk 1K1P dan lain-lain. Perkembangan ini sedikit sebanyak mampu memberikan kesan positif kearah menggiatkan ekonomi negara dan memberikan peluang kepada anak tempatan untuk menerokai sektor ini khusus dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Namun, pada itu di dalam menghairahkan kita mempromosikan ambuyat, kaola melihat melalui kilang yang lebih luas tentang kapasiti serta kemampuan dalam menyediakan bahan mentah untuk industri berkenaan dalam tempoh masa yang akan datang. Kalau kita perhatikan hanya beberapa kilang sahaja yang berkecimpung di dalam industri ini dan terdapat juga rungutan para pengusaha kilang berkenaan tentang kesukaran mendapatkan batang-batang pokok rumbia yang jumlahnya cukup terbatas. Sehubungan dengan itu, kaola mengharap pihak yang berkenaan terutama sekali Jabatan Pertanian untuk menyediakan pelan-pelan strategik kearah penanaman pokok-pokok rumbia secara besar-

besaran. Ini termasuklah menyediakan program-program kesedaran dan hala tuju tentang potensi pokok rumbia kearah mengalakkan penanaman pokok rumbia di kalangan peladang dan dalam masa yang sama industri ini mampu menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Seterusnya kaola menyentuh berkenaan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** sepertimana yang dimaklumkan projek-projek penaik taraf tempat-tempat pelancongan telah disenaraikan dalam RKN-12 dan kaola mengharapkan agar usaha ini dapat membuka jalan kepada kemajuan industri pelancongan tempatan sekali gus merencanakan lagi aktiviti-aktiviti pelancongan yang dihasratkan.

Dalam pada itu, kaola melihat terdapat ketidak selaras di dalam merancang beberapa aktiviti dan acara sama ada yang dianjurkan di peringkat nasional mahu pun di peringkat daerah yang mana ada antara acara berkenaan mempunyai nilai dalam sektor pelancongan domestik. Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan dapat duduk semeja dengan pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran, Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta mana-mana pihak yang berkepentingan untuk menyediakan kalendar acara tahunan Negara Brunei Darussalam dan selain daripada penganjuran acara *Brunei December Festival (BDF)* yang diadakan setiap tahun, Kaola mengharapkan agar program Tahun

Melawat Brunei dapat dianjurkan, yang mana ia merupakan sebuah program yang disediakan khas untuk menarik industri pelancongan ke Negara Brunei Darussalam. Ia penting sebagai sukatsukat kedudukan dan kemampuan invasi pelancongan tempatan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian, Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan 3 soalan telah diajukan. Pertama ialah berkenaan tanaman pokok rumbia bagi medukung pengeluaran ambuyat di negara ini.

Barangkali pihak kementerian akan menduduki perkara ini selanjutnya dengan Jabatan Pertanian, yang penting pada masa ini kriteria yang 'kitani' 'banarbanari' ialah melihat nilai kerana disebabkan oleh tanah-tanah 'kitani' ini *limited* jadi nilai komoditi atau tanaman itu adalah satu kriteria yang penting untuk *diconsider*.

Jadi pihak Kementerian melalui Jabatan Pertanian akan melihat sama ada adakah penanaman pokok rumbia secara besar-besaran untuk memenuhi keperluan 'ambuyat' akan dapat diusahakan. Itu *we will do that* **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Berkenaan dengan ketidakselarasan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti di antara aktiviti yang diungkayahkan

oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan juga aktiviti-aktiviti daerah dan juga bandar.

Sebenarnya, aktiviti ini satu jawatankuasa dinamakan *Brunei Tourism Development Board* di mana wakil-wakil kementerian ada ikut serta di sana untuk bercambah fikiran bukan sahaja daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ejen Pelancongan dan juga *Association of Hotel* dan juga *airlines* termasuk di sana. Barangkali, *probably we will look into this. More representation* daripada pihak daerah juga untuk sama-sama memberi *input* kepada *Brunei Tourism Development Board*.

Berkenaan dengan cadangan Tahun Melawat Brunei, ada beberapa projek berskala *international* sedang diteliti masa ini barangkali *include this as part of the suggestion*. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan sama ada untuk mengadakan *Visit Brunei Year. We will look into this* dan akan dimasukkan dalam cadangan *proposed* atur cara yang akan diteliti untuk diungkayahkan dalam setahun dua tahun ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan atas pembentangan kertas kerja yang terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola ingin bercakap di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan berkaitan dengan kemajuan dalam sektor pelancongan mengenai dengan isu pengangkutan awam di negara ini.

Isu ini merupakan satu cabaran yang besar dalam usaha mempromosikan pelancongan di negara kita walaupun jadual perkhidmatan bas dapat dilihat peningkatannya namun beberapa pembaikan diperlukan dari segi konsistensi jadual bas, kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Beberapa kekurangan bas yang dapat dilihat adalah seperti bas yang tidak dilengkapi dengan penghawa dingin dan tempat duduk yang selesa. Perkara ini menjadi satu keperluan asas bagi keselesaan pengguna awam dan pelancong.

Selain itu, mewujudkan aplikasi bagi orang ramai untuk dapat *download* bagi mengetahui penjadualan bas juga diperlukan. Kaola ada mencari-cari aplikasi bas dan yang ada dalam *search engine* adalah aplikasi bernama *Move It*. namun ia bukan di bawah pengurusan

kerajaan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai aplikasi yang diuruskan oleh kerajaan bagi memastikan kualiti dan kredibilitinya.

Selain itu, jarak antara setiap perhentian juga perlu dipertimbangkan semula. Jarak yang terlalu jauh antara perhentian menyukarkan pelancong untuk bergerak di sekitar bandar. Kelewatan yang berlaku menyebabkan pelancong lebih cenderung untuk berjalan kaki yang bukan sahaja membuang masa tetapi juga memberi kesan negatif terhadap pengalaman pelancongan mereka di negara ini.

Mengenai perkhidmatan *e-hailing Dart* pula, dalam pengalaman kaola sendiri menggunakan dart jika boleh dijadikan contoh meskipun ia merupakan inisiatif yang baik pelaksanaannya tapi masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kelewatan yang berlaku dalam menerima permintaan dan pengambilan penumpang adalah antara isu yang perlu diatasi.

Kaola sendiri membuat beberapa *trial* menggunakan perkhidmatan ini dan telah mengalami masa menunggu yang lama, kadang-kadang sehingga 30 minit kerana pemandu dart terpaksa membuat pusingan untuk menghantar penumpang terdahulu ke destinasi mereka. Masalah ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pemandu *dart* di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, kita perlu mencari strategi untuk menarik lebih ramai orang terutamanya golongan yang menganggur untuk mahu menceburi bidang ini.

Selain itu, kita juga perlu mempertimbangkan kaedah pembayaran yang lebih mudah dan cekap bagi penggunaan pengangkutan awam sama ada bas atau Dart, pengenalan sistem pembayaran melalui pengimbasan atau *tap and go* seperti yang ada dipraktikkan di beberapa negara boleh membantu mengurangkan kesulitan dan mempercepatkan proses bayaran.

Dengan melakukan pelbagai penambahbaikan ini, kita dapat mengurangkan risiko dan meningkatkan keselamatan pengguna awam termasuk pelancong. Peningkatan kualiti perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan perkhidmatan pemandu teksi haram yang semakin meningkat.

Mengambil contoh terdekat sahaja, pekerja-pekerja di negara ini yang bukan *local* termasuk pembantu rumah kaola sendiri kebanyakannya masih cenderung menggunakan teksi haram walaupun ianya *illegal* kerana ia adalah pilihan yang lebih murah dan cepat. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan di negara kita. Oleh yang demikian, diharap dengan menambah baik pengangkutan awam kita dapat memastikan bahawa pelancong dan pengguna tempatan dapat menikmati pengalaman yang lebih selamat dan selesa semasa melancong di negara kita.

Di samping itu juga, seperti harapan kita dalam belanjawan pada tahun yang akan datang ini seperti yang telah diterangkan dalam pembentangan Rang Undang-

Undang Perbekalan sebelum ini dan juga peruntukan yang telah disediakan bagi melaksanakan 10 projek di bawah RKN - 12 untuk dapat menambah baik lagi produk-produk pelancongan termasuk mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancong.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed berkenaan dengan isu pengangkutan awam terutama sekali bas. Memang diakui itu adalah satu perkara yang menjadi *weakest point* masa ini bagi 'kitani' dengan pelancong ialah *public transport* sama ada *transport* daripada hotel, dari airport ke hotel ataupun daripada perjalanan dari hotel ke tempat-tempat tarikan.

I think sebenarnya perundingan telah dibuat dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi mencari cara-cara untuk mengukuhkan lagi kemudahan pengangkutan awam terutama sekali bas masa ini. Apa yang Jabatan Pelancongan membuat pada masa ini ialah kalau pelancong-pelancong pada masa ini secara *immediate* kalau ia datang *direcommend* untuk *install Dart Application so that* barangkali kalau sekiranya mereka mendapati susah untuk mendapatkan bas, mereka ada aplikasi *dart* untuk mereka gunakan untuk melawat. Itulah

pada masa ini Jabatan Kemajuan Pelancongan punya *advice* kepada para pelancong *and then we are also working with phone provider* di mana kalau mereka membeli sim kad untuk tourist dimasukkan jua *application dart* di sana *so that* mereka dapat menggunakan *dart as a major and prime mover*.

Tetapi memang jelas isu pelancongan ini *we are also working with* Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi *trying* macam mana cara-cara untuk meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan orang-orang awam untuk menggunakan *public transport* terutama sekali bas. Barangkali itulah saja yang baru dapat kaola berikan untuk menjawab soalan tersebut Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya difahamkan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi suka untuk memberikan keterangan lanjut mengenai dengan soal bas ataupun *public transport*. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah mengenai dengan soalan pengangkutan awam. Untuk makluman, perkara ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam mukadimah apabila membincangkan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tapi pada masa ini, saya ingin mengongsikan bahawa perkara ini memang sudah ditunduki dan beberapa perancangan akan dilaksanakan yang mana modal pengangkutan awam 3 *tiers*

ini juga pernah dikongsikan semasa Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara ini, di mana *sistem mobility* tiga peringkat yang terdiri daripada *e-hailing* persendirian atau *taxi services*, *e-hailing* berkongsi tumpangan dan juga rangkaian *network* bas awam. Inilah di antara perkara yang akan dilaksanakan yang mana telah mendapat peruntukan di bawah Perancangan Belanjawan 2024/2025 ini.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian juga telah mengemaskinikan strategi dan objektif yang mana sistem atau strategi sebelum ini juga telah ditunduki dan dikemaskinikan dengan keadaan semasa dengan lebih berdaya tahan dan lebih *viable*.

So, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi itu mengenai dengan *services* aplikasi mudah alih dan seumpamanya itulah di antara perkara-perkara yang telah dimasukkan dalam perancangan untuk dilaksanakan di dalam belanjawan tahun ini dan RKN. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
لِحَمْدِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang disampaikan. Mudah-mudahan semua agenda pembangunan yang dirancang dapat dihasilkan dan direalisasikan dengan jayanya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Industri ikan hiasan menjadi satu kegiatan dan mampu memberikan pendapatan lumayan kepada pengusaha-pengusaha. Industri ini semakin berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Ikan hiasan merupakan antara satu industri yang sangat berpotensi tinggi untuk dimajukan. Malahan masyarakat Brunei tidak terkecuali merupakan antara penggemar ikan hiasan.

Negara kita mempunyai lebih kurang 200 spesis ikan air tawar dan ada di antaranya sangat berpotensi sebagai ikan hiasan. Spesis yang popular sudah setentunya spesis eksotik. Malaysia antara pengeluar terbesar ikan hiasan dunia apabila berjaya mencapai jumlah pengeluaran tahunan hampir 700 juta ikan berbanding 458 juta ikan pada tahun 2005.

Berdasarkan artikel akuakultur Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia menyasarkan RM600 juta hasil pendapatan negara kasar *PKNK* melalui perniagaan ikan hiasan yang mampu mewujudkan 100 ribu peluang pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa industri ikan hiasan sememangnya

berpotensi tinggi untuk diterokai oleh anak-anak tempatan 'kitani'.

Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar industri ikan hiasan dapat dimajukan sebagai usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi bukan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam melalui beberapa inisiatif.

Yang pertama, memberikan bimbingan dan latihan di dalam memelihara ikan-ikan hiasan.

Yang kedua, menyediakan inisiatif atau suntikan modal perniagaan sebagai menggalakkan permulaan.

Yang ketiga, memudah cara bagi memasarkan produk-produk ikan hiasan untuk tujuan eksport dan pasaran tempatan dan kaola ingin tahu setakat ini apakah ada pengusaha-pengusaha yang menceburi industri ikan hiasan di Negara Brunei Darussalam?

Dan selanjutnya kaola inginkan penjelasan berkenaan dengan perkembangan aktiviti pelancongan di Daerah Temburong sejak Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien siap dibina dan digunakan sepenuhnya berdasarkan statistik Jabatan Kemajuan Pelancongan, berapa keramaian pelancong yang berkunjung ke Temburong dan apakah ianya menampakkan peningkatan atau sebaliknya? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir berkenaan dua soalan tersebut dan juga cadangan.

Berkenaan dengan industri ikan hiasan, memang industri ini adalah satu yang berpotensi untuk dimajukan. Setakat ini, ada tiga pengusaha telah pun berusaha dan berkecimpung dalam pengeluaran ikan hiasan. *Supposed to be* ada dulu *FDI* di luar itu tapi inda *materialize because* ada masalah hari itu.

Jadi memang digalakkan kalau ada yang berkecimpung adalah dialu-alukan untuk berjumpa dengan pihak Jabatan Perikanan bagi orang yang berminat untuk mengusahakan ikan hiasan, pihak Jabatan Perikanan akan dapat memberikan tunjuk ajar dan bimbingan untuk membolehkan 'bisidorang' ada *knowledge* untuk memulakan ternakan ikan hiasan.

Di samping itu juga, pihak Jabatan Perikanan akan juga menyediakan *special site* untuk 'bisidio rang' mengusahakan. Dari segi modal, *I think* memang modal itu *we can* usahakan. Barangkali ada *certain facilities* yang *we have at the moment* terutama sekali dengan kerjasama pihak *DARe*, *probably we can have a joint co-matching grant* yang boleh kita gunakan untuk dipohonkan bagi membantu mereka dalam memulakan perniagaan mereka.

I think memang dialu-alukan siapa yang *interested* dalam usaha untuk berkecimpung dalam pembiakan

ornamental fish ini. Kebanyakan durang ani *hobbies* yang *really interested, passionate* so pada masa ini tiga syarikat sudah berkecimpung.

Berkenaan dengan usaha adakah *tourism* kitani di Daerah Temburong sudah mula berkembang, meningkat *in terms of activity*. Barangkali seperti yang kaola nyatakan tadi, masa ini we have **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** peningkatan ramai sudah mulai datang ke Brunei daripada 35 ribu lebih pada tahun 2022 hingga 2023 seramai 133,630 orang. Memang satu kenaikan yang baik **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**. *We hope* sebenarnya dalam masa setahun dua ini, *we're back to the pre-Covid time* 2019 yang mana yang mana lebih 300 ribu, ini sasaran yang hendak dicapai.

Memang salah satu tempat yang menjadi tarikan untuk pelancong ialah di Daerah Temburong disebabkan pada masa ini kita sedang *promoting culture, adventure, ecotourism and environment*. *Strength* 'kitani' terutama sekali di Daerah Temburong memang diusahakan untuk ditingkatkan lagi *quality content* yang ada masa ini dalam pakej-pakej yang ada bagi Daerah Temburong untuk menarik lebih lagi ramai pengunjung. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**

memang sudah ketara ramai pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam, kita sasarkan dalam masa 1 ke 2 tahun ini, *we will be able to achieve* **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** *to record level* yang sebelum *COVID-19* iaitu seramai lebih 300 ribu datang ke Brunei dalam masa 1 ke 2 tahun ini. Memang ada *trend* yang menggalakkan

bukan sahaja di Daerah Temburong malah seluruh daerah **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**

Berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan rumbia. Untuk makluman, ada sebanyak 50 ekar kawasan telah pun *digazette* untuk perusahaan rumbia di Kampung Ukong.

Sebuah syarikat telah berusaha memproses yang moden telah mula beroperasi di Kampung Ukong untuk pengeluaran ambuyat di sana. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk berhenti berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung semula perbincangan ini kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini bersidang semula bagi meneliti dan menimbangankan Rang Undang-Undang 2024, Perbekalan 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih membincangkan belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya masih mempunyai senarai yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk yang berkenaan.

Saya mulakan perbincangan ini dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, setelah mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola rasa cukup padat dan jelas tentang hala tuju perbelanjaan kementerian. Kaola menyentuh mengenai dengan gaharu. Penanaman gaharu suatu masa dahulu sering diperkatakan memandangkan gaharu mempunyai nilai yang tinggi di pasaran.

Ia telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di kalangan orang ramai yang berminat untuk menanamnya secara besar-besaran. Industri gaharu antara sektor per kayu berpontesi untuk dikembangkan pada peringkat hiliran. Tambahan pula, masih ramai usahawan belum menerokai peluang terutama pembuatan minyak wangi dan perubatan. Gaharu mempunyai nilai dan pasaran tinggi pada peringkat domestik mahupun antarabangsa. Bahkan dikenali sebagai kayu paling mahal dengan nilai budaya yang tinggi. Berdasarkan kenyataan akhbar *Berita Harian Online*,

pada masa ini, produk gaharu terutama minyak, hanya boleh diperolehi daripada tiga sumber iaitu penyusutan bekalan hutan semula jadi, perladangan lestari dan secara sintetik.

Manakala, 10 destinasi eksport teratas ialah Emiriah Arab Bersatu (UAE), Singapura, Malaysia, India, Laos, Jepun, China, Taiwan, Oman dan Hong Kong. Permintaan global diramalkan akan terus meningkat pada Putara Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) sebanyak 6% hingga 2033.

Pada masa ini, pasaran minyak gaharu global bernilai USD250 juta bersamaan \$333 juta dan dijangka mencecah USD450 juta bersamaan \$605 juta dalam sedekad akan datang. Tetapi di Malaysia, kadar bekalan hanya 40% daripada permintaan, sedangkan 1 liter boleh dijual sekitar USD10 ribu bersamaan dengan \$13,460 hingga USD14 ribu bersamaan \$18,850 di pasaran.

Di Daerah Tutong, kalau kaola tidak silap, ada 3 pengusaha yang menghasilkan produk berasaskan gaharu seperti minyak wangi. Ini adalah satu perkembangan yang baik dan diusahakan ke arah menggalakkan industri gaharu terus berkembang di negara kita sebagai langkah ke arah memantapkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, kaola ingin pencerahan secara spesifik, apakah perkembangan penanaman pokok gaharu di Negara Brunei Darussalam ketika ini? Dari segi pengawalan dan pemantauan, apakah

ada berlaku aktiviti-aktiviti penanaman haram dan kecurian pokok gaharu direkodkan di hutan-hutan simpan di Negara Brunei Darussalam?

Kalau di Daerah Temburong terkenal dengan sumber batu kelikirnya. Daerah Tutong pula terkenal dengan pasir putih dan merupakan sumber alam semula jadi dan masih belum diterokai sehingga kini. Oleh yang demikian, apakah ada perancangan ke arah memperkayakan sumber alam (pasir putih) ini di masa akan datang?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika saya tidak silap perkara ini telah kita timbulkan pada tahun lepas dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga telah membuat keterangan mengenai perkara yang sama, melainkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mempunyai maklumat-maklumat tambahan mengenai perkara ini.

Saya persilakan kalau sekiranya terdapat maklumat-maklumat (*information*) baru mengenai pokok gaharu ini. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan pohon gaharu ini, yang kaola ingin ketengahkan (*highlight*) ialah *high value* atau tinggi nilai bagi pohon gaharu ini. Jadi, masalah pada masa ini yang dihadapi oleh kementerian, iaitu Jabatan

Perhutanan, terdapat banyak kes-kes kecurian pohon gaharu tersebut.

Jadi, pihak Jabatan Perhutanan bersama pihak Polis Diraja Brunei dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sedang bekerjasama untuk mengawal kes kecurian ini. Baru-baru ini 'kedapatan' ada orang mencuri, kemudian dirampas gaharu yang bernilai tinggi yang telah dicuri tersebut.

Itulah keadaan pada masa ini, pencurian gaharu memang banyak berlaku, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan adanya kerjasama daripada pihak Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, masalah ini dapat dikawal. Modus operandinya bukan berasal daripada Negara Brunei Darussalam tetapi daripada negeri jiran.

Itu saja yang dapat kaola maklumkan. Berkenaan tanaman gaharu, pada masa ini kebanyakannya tanaman gaharu di sini jenis kecil-kecilan tetapi *one of the major problems they're facing* ialah mencari *inoculant* yang digunakan untuk menghasilkan gaharu ini *is very expensive*. Belum lagi ada yang berhasil untuk meng*commercialise* di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga difahamkan bahawa proses penanaman ini *a bit destructive*, terpaksa kayu-kayu itu ditebang. Walau bagaimanapun, getah yang dicari kadang-kadang 'inda kedapatan' jadi terpaksa menebang kayu-kayu untuk mendapatkan yang diperlukan itu, *plus*

minus it might not be productive. Bagi orang-orang 'kitani' yang menerokainya 'indalah kitani' mahu turut campur mengenai *production* ini.

Saya persilakan Yang Berhormat Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ
Kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang cukup berinformasi tentang hala tuju belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Semoga ia dapat direalisasikan dengan jayanya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Sektor pertanian adalah antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara selain minyak dan gas. Peranan pihak kerajaan serta pihak-pihak yang berkepentingan penting bagi menggalakkan sektor ini agar ia akan terus berkembang.

Ini termasuklah penyediaan inisiatif-inisiatif yang sesuai dan bantuan kepada para peladang termasuklah subsidi baja dan sebagainya. Namun pada itu, terdapat beberapa rungutan dari pihak peladang berkenaan ketidakseimbangan harga-harga baja di pasaran. Perkara ini memberi kebimbangan kepada peladang kerana peningkatan dari segi kos operasi yang ditanggung pada setiap bulan.

Sehubungan ini, kaola memohon pencerahan berkenaan bantuan subsidi baja yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Bagaimanakah kaedah dan cara ia diurus agar bantuan-bantuan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak peladang dengan sebaik-baiknya? Selain subsidi baja, apakah jenis bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh pihak kerajaan?

Seterusnya kaola ingin menyentuh dengan Kelompok Pertanian Luar Bandar (KPLB) berkaitan isu tanah yang dibajakan. Kaola memohon penjelasan daripada pihak-pihak berkenaan dengan syarat-syarat yang disediakan bagi memperbaharui kebenaran tanah-tanah KPLB dan apakah syarat-syarat khusus bagi membolehkan tanah-tanah ini diberikan status tanah Lesen Tumpang Sementara (*TOL*) kepada peladang-peladang.

Seterusnya, kaola ingin memohon pencerahan mengenai perkara SH06A0-Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola sukacita ingin menyentuh mengenai beberapa tempat yang menarik dan berpotensi dijadikan daya tarikan pelancong tidak dapat dibuka kepada orang ramai dan pelancong seperti Sungai Ingei, Ulu Belait yang mempunyai beberapa telaga air panas dan gua. Di Daerah Tutong, Tasek Merimbun masih lagi tidak dibukakan kepada kunjungan pelancong dan orang ramai.

Sekiranya tempat-tempat ini dibukakan, ia dapat menjana pendapatan kepada negara dan warga tempatan. Mohon ulasan mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Terdapat tiga soalan pertama berkenaan kos bantuan bagi *inputs* ladang dan subsidi kos baja. Seperti yang telah biskaola nyatakan tadi, sebanyak \$9 juta telah disediakan untuk menyediakan pembelian padi, hasil *input* baja dan juga benih-benih memang *every year* kerajaan memberi bantuan kepada para peladang terutamanya padi untuk mengusahakan ladang mereka dengan bantuan subsidi tetapi masalah pada masa ini seperti yang kaola nyatakan tadi kos *input* semakin tinggi, jadi *we cannot cope* kalau sudah naik kos dan benih dan baja juga naik harga.

Itu lah masalah pada masa ini dengan peruntukan yang ada akan memberi seluruh bantuan kepada subsidi itu memakan belanja yang banyak jadi itu terhad *in terms of* subsidi baja dan subsidi input *nevertheless*, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sekarang sedang membuat *formulation of new strategy* bagi membolehkan kitani lebih efektif dari segi meningkatkan produktiviti tanpa bergantung banyak kepada baja seperti baja *artificial*. Jadi ini *still* dalam penyediaan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diberigakan kepada masyarakat peladang dan juga penternak-penternak dalam masa sedikit masa lagi.

Berkenaan PKLB Kawasan Kemajuan Luar Bandar, masa ini kalau sudah di ambil alih oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ia diharap akan ditukar menjadi Kawasan Kemajuan Pertanian.

Jadi Kawasan Kemajuan Pertanian itu mesti ada KPI. Ini usaha kitani untuk meningkatkan lagi *production* apa yang dihadapi *KPLB* masa ini ada yang *part time*, ada yang tidak berusahakan dan ada berusahakan. Jadi, *in terms of productivity* pengeluaran tidak menentu.

Dengan adanya *convert* kepada KKP Kawasan Kemajuan Pertanian, pihak Jabatan Pertanian berharap peladang-peladang itu menjadi serius, akan ada KPI disediakan, dapat digunakan tanah itu seoptimanya, dapat *contribute* kepada peningkatan pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan terus menyumbang ke arah *food security* negara kerana *KPI* ini banyak kawasannya tapi sayangnya produktiviti *low*, ada yang serius dan ada yang tidak serius jadi ianya tidak rata, ada juga yang *samak* kawasannya, yang sebelah ada yang *clear*.

Dengan adanya usaha untuk Kawasan Kemajuan Pertanian akan lebih serius lagi pengeluaran *produce* pertanian dan agrimakanan di sana, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diusahakan.

Kalau Jabatan Kemajuan Pelancongan memang ada kawasan-kawasan yang memang untuk Kemajuan Pelancongan seperti Luagan Lalak,

Teraja. Tetapi *there are certain* kawasan *conservation* seperti di Ingai. Ia adalah satu kawasan *conservation* yang sensitif ekosistemnya jadi kalau ramai lagi orang ikut ke sana, ia akan *mengacau* kawasan sana itu jadi *wildlife biodiversity* akan terancam. Ada *certain balance* antara kawasan *conservation* dan juga kawasan rekreasi *park* di sana.

Pihak kementerian memang peka dengan perkara ini yang mana dapat dimajukan akan dilibatkan pihak penduduk di sana untuk memajukan kawasan tersebut dan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan juga menyediakan peruntukan projek di bawah RKN untuk menyediakan pasaran asas di sana.

Tapi kalau yang *conservation I think* di bawah *Forestry, I think we have to respect that wildlife biodiversity* kerana kitani juga *famous for this conservation*. Itulah *balancing* di antara untuk *tourism* dan juga untuk *conservation*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di atas

mukadimah yang penuh bermakna dan akan menjadi inspirasi kepada rakyat jika ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya اِنْ شَاءَ اللَّهُ . Kaola menyambut baik dengan saranan Yang Berhormat Pengerusi agar mengutarakan isu-isu strategik, pendek dan padat.

Menyentuh berkenaan dengan Projek Kemajuan Penanam Padi secara komersial berkeluasan 500 hektar kawasan Kandol. Sepertimana yang dimaklumkan, jika dilaksanakan sepenuhnya, dengan adanya padi Sembada yang mempunyai produktiviti sebanyak 4 hingga 5 tan per hektar sekali tuai. Jika dijangka akan dapat menjana kepada sara diri atau *self-sufficiency* mencecah kepada 8.4% beras negara.

Pertanyaannya, kaola ingin tahu sejauh ini, apakah perkembangan yang dicapai untuk projek Kandol Fasa 1 dan 2? Apakah peratus sara diri beras negara pada masa ini? Bagaimana status perkembangan kemajuan Fasa 3?

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah membuat kajian dan ujian kepada beberapa jenis padi yang didatangkan dari Republik Rakyat China dan Indonesia yang mempunyai potensi untuk mengeluarkan 7 hingga 8 tan padi sehektar.

Pertanyaannya, apakah perkembangan yang telah dicapai di atas kajian yang telah atau yang sedang dilaksanakan?

Kaola ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan padi

bukit yang dulunya menjadi pilihan kepada petani tempatan untuk ditanam. Ini disebabkan ianya lebih mudah diusahakan berbanding dengan padi sawah.

Pertanyaannya, sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memberikan perhatian tentang potensi padi bukit jika ditanam secara besar-besaran kerana ianya lebih mudah diselenggarakan berbanding tanah sawah yang memerlukan peruntukan besar seperti persediaan tanah, perparitan, saluran air dan sebagainya.

Untuk Jabatan Perikanan, di sini kaola memohon agar dibina penurunan perahu di Pekan Belait bagi nelayan-nelayan yang berada di sana. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan perkara-perkara yang dinyatakan kaola tadi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Ada 4 soalan di sana.

1. Berkenaan dengan Kandol;
2. Padi Bukit;
3. *Research*; dan juga
4. Penurunan perahu di Kuala Belait.

Berkenaan dengan Kandol ini اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ masa ini Fasa 1 dan Fasa 2 telah

dilaksanakan seluas 174 hektar telah dibuka. Jadi masa ini rancak dilaksanakan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh *Paddy co* di sana.

Antara cabarannya adalah kerana ladang ini baru di buka jadi dari segi *stabilization* tanah itu belum lagi stabil jadi terdapat tanah terturun di ladang-ladang itu, jadi masa ini pihak *Paddy co* sedang *trying* untuk mengatasi menaikkan lagi tanah itu supaya ia balik semula tempat yang diperlukan di samping itu di mana kekurangan pekerja masa ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , masa ini 'kitani' mempunyai orang *local* ada 11 atau 12 orang kalau tidak silap, tetapi tidak mencukupi *and then* terdapat cabaran untuk mengambil *more local*. Jadi sudah berapa usaha telah dibuat tetapi tidak berjaya jadi mendatangkan juga pekerja luar untuk membantu kitani menghasilkan padi di kawasan 174 hektar ini.

Jadi itulah 2 perkara cabaran yang dihadapi. Pada masa ini, *we are* bertanam MRQ di sana dengan cadangan supaya untuk *slowly* lah, kalau sudah stabil barulah *produce high yield variety* di sana.

Dari segi produktiviti pun masa ini di Kandol *still* rendah, kerana ia kawasan baru. Tanahnya pun belum stabil lagi, belum lagi serasi jadi pengeluaran masih lagi rendah *between* 1-2 tan metrik/semusim. Itulah masa ini kisah Kandol.

Dari segi *in term of our* sara diri masa ini اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *we are* mencapai 8% sara diri, اِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan adanya *a new hybrid*

baru, *we are hoping* untuk meningkatkan lagi sara diri kepada 12% kalau berjaya *trial* yang dibuat masa ini. Jadi masa ini dalam fasa 3, Jabatan Pertanian *hold* dahulu sebabnya di fokus kepada pembangunan 174 hektar ini, biar stabil, dan kalau ia berjaya *اللَّهُمَّ* akan dilaratkan.

Dari segi padi bukit, memang *non-arrogated area*, ganya masalahnya padi bukit ini rendah *yield*, jadi ada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah memperkenalkan padi yang boleh meningkatkan lagi hasil di kawasan-kawasan bukit dan juga kawasan *non-arrogated* ini.

Jadi, *I think hopefully* dengan adanya peningkatan daripada 1 ke 3 tan padi ini, sebabnya *under trial* di Jabatan Daerah Temburong, kalau citarasa mencapai selera orang Brunei akan dilaratkan arah lain lagi.

Di samping itu juga, padi-padi tradisional seperti Beras Kabun, Beras Pusu, *research will be done* dengan kerjasama agensi-agensi *research* di luar negeri untuk meningkatkan lagi hasil padi macam Pusu ini untuk daripada 1 tan kepada 2-3 tan setahun. Ini akan lebih berbaloi lagi *in term of* pulangan kepada peladang-peladang. Dari segi *research* daripada Republik Rakyat China dan juga daripada Filipina *اللَّهُمَّ*, perkara ini berterusan, masa ini terdapat satu jenis *variety* Yuan 158 kalau tidak silap, mempunyai potensi untuk dikembangkan lagi yang boleh mengeluarkan hasil pengeluaran 7 ke 8 tan metrik. Oni mempunyai potensi yang baik, *in term of*

penerimaan cita rasa orang Brunei, Yuan ini usulnya lebih orang suka *compare to* Sembada.

Jadi sekiranya berjaya ia *diintroduce* seluruh negara yang *gated*, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau berjaya *we will be able to get* 78 metrik tan/ hektar semusim. Itulah *in term of research* yang telah dibuat, *we have identified* Yuan 158 daripada Republik Rakyat China yang mempunyai hasil tinggi dan mempunyai citarasa boleh diterima oleh rakyat negara ini.

Dari segi tempat penurunan perahu, masa ini sebanyak 7 buah penurunan perahu di Daerah Brunei-Muara, 4 buah di Daerah Tutong, 2 buah di Daerah Belait dan 6 buah di Daerah Temburong. Jadi untuk masa ini, *we will allocate* di bawah RKN untuk memajukan membisakan lagi *mengupgrade* penurunan-penurunan perahu yang ada masa ini untuk *diupgrade*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* *we will* berunding dengan pihak relevan autoriti di Belait untuk macam mana *mengupgrade* tempat-tempat penurunan perahu di bawah RKN-12 ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan yang dapat kaola berikan kepada soalan-soalan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.
Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
 أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pembentangan mengenai strategi dan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atau singkatnya MPRT.

Kaola merujuk visi kementerian ini iaitu keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi, eksport dan menjamin sekuriti makanan bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

اللَّهُمَّ ، أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , tahniah juga kaola ucapkan kepada pihak kementerian dan juga kepada pengusaha-pengusaha dalam komoditi ayam pedaging dan telur ayam kerana berjaya mencapai kadar 100% status sara diri pada tahun 2022 dan 2023 serta mencukupi untuk dieksport di luar negeri.

Pencapaian beberapa komoditi perusahaan lain juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Namun di sini, kaola menyentuh mengenai kadar sara diri komoditi ternakan daging kerbau dan lembu, dan yang disebutkan sebelum ini komoditi beras yang terus mendatar bagi tempoh lebih 5 tahun kebelakangan.

Di bawah kadar 10% bagi padi (beras) dan di bawah kadar 5% bagi daging kerbau dan lembu. Dikongsikan pencapaian sara diri bagi tahun 2023 sahaja ialah 3% bagi daging kerbau dan lembu serta 8% bagi padi atau pun beras. Usaha-usaha kerjasama dan penyelidikan berkaitan kualiti benih-benih padi sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah dilaksanakan secara berterusan dengan agensi-agensi yang berkepentingan di luar negara.

Namun dari data yang ada ketika ini, kadar sara diri komoditi-komoditi-tersebut masih terus mendatar dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kitani akan menunggu hasil, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk projek-projek baharu yang dilaksanakan.

Di sini kaola ingin pencerahan berdasarkan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan sebelum ini, apakah punca yang telah dikenal pasti menyebabkan tiada peningkatan pada kadar sara diri kedua-dua komoditi ini dalam tempoh yang begitu lama iaitu 5 ke 10 tahun kebelakangan.

Dan apakah strategi dan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memperluaskan penyertaan pengusaha tempatan khususnya golongan belia di negara ini termasuk lepasan graduan UNISSA dan IBTE dalam jurusan pertanian dan agrimakanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usaha untuk meningkatkan produktiviti dan taraf sara

diri kedua-dua komoditi ini pada pandangan kaola hendaklah diberi keutamaan segera dengan meneroka strategi-strategi baharu di samping mengekalkan strategi sedia ada yang dikenal pasti masih *effective*.

Ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada import luar negara dan untuk memenuhi permintaan tempatan serta memastikan sekuriti makanan yang terjamin di negara ini.

Di samping itu, kaola mencadangkan juga supaya pihak *MPRT* mempergiatkan lagi kerja-kerja penyelidikan yang sedia ada bukan sahaja untuk memastikan kualiti hasil benih-benih tanaman tetapi mungkin juga meliputi kajian kualiti tanah dan persekitaran di tapak-tapak pertanian yang dipilih khususnya untuk penanaman padi yang bersesuaian dan di samping itu untuk pihak *MPRT* memudahkan proses permohonan dan peraturan bagi mendapatkan tapak-tapak pertanian dan penternakan yang dikenal pasti bersesuaian untuk produktiviti tinggi kedua-dua sektor ini.

Tapak-tapak yang diberikan tersebut hendaklah diberikan dalam keadaan yang bersih dan tersedia untuk diusahakan bagi pengusaha-pengusaha baru. Bukannya kawasan hutan yang semak ataupun kawasan-kawasan banjir yang memerlukan kos yang tinggi untuk kerja-kerja pembersihan dan terpaksa ditanggung oleh pengusaha. Seterusnya untuk mempersiapkan para pengusaha baru dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang diceburi, bimbingan dari aspek

pengurusan kewangan dan pemasaran serta memastikan pemantauan berterusan diberikan oleh pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan contohnya seperti pihak *DARE* dan *BEDB*.

Menekankan penggunaan meluas teknologi terkini dan kaedah-kaedah baharu dengan memberikan kemudahan peralatan yang bersesuaian bagi memastikan produk yang tinggi dihasilkan dan membuka lebih banyak kawasan baharu bagi penanaman padi dan penternakan kerbau dan lembu secara meluas yang dilengkapi dengan keperluan-keperluan asas dan diusahakan secara komersial sepenuhnya oleh anak-anak tempatan sama ada secara persendirian ataupun berkumpulan. Memperluaskan perusahaan industri penanaman padi dan penternakan keluar negara secara *joint venture* antara pengusaha-pengusaha dalam dan luar negara.

Akhirnya, kaola menyeru kita hendaklah terus berusaha melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti dan taraf sara diri kedua-dua komoditi ini bagi memenuhi permintaan dan memastikan keterjaminan sekuriti makan di negara ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam. Berkenaan dengan *self-sufficiency* beras dan juga kerbau dan lembu sebenarnya kalau dilihat daripada usaha-usaha pihak kementerian ini, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** pihak kementerian telah berjaya meningkatkan *self-sufficiency* daripada 4% kepada 8% mulai tahun 2020. Dengan usaha memperkenalkan *variety* yang *high yield*.

Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi bekalan air di kawasan-kawasan pertanian padi. Usaha-usaha juga dibuat dengan membuka kawasan baharu seperti Kawasan Kandol, ini usaha yang telah dibuat untuk meningkatkan lagi hasil *self-sufficiency* padi di negara ini. Jadi padi ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** seperti yang telah kaola nyatakan tadi ada 2 inisiatif telah dibuat:

1. Memperkenalkan 1,158 masa ini mempunyai hasil dalam *trial*, yang small scale boleh menghasilkan 8 metrik tan. Peningkatan daripada 5-6 tan metrik kepada 8 tan metrik.; dan
2. Di samping itu juga, pada masa ini bagi padi bukit yang *irrigated*, pihak kementerian juga telah mengenal pasti dan membuat *trial* padi yang *irrigated* ini daripada Republik Rakyat China yang boleh menghasilkan 6 tan. Di sini diharapkan ia dapat menghasilkan 3 tan metrik sahaja dahulu, yang mana daripada 1 tan

kepada 3 tan metrik kerana tanahnya berlainan di sana.

Dengan adanya 2 inisiatif ini akan dapat ditingkatkan lagi dalam masa terdekat ini. Kalau berjaya dalam *trial* itu akan dapat meningkatkan lagi sara hidup sekurang-kurangnya kepada 12% **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Tapi ini bergantung kepada beberapa faktor, yang besar sekali faktornya ialah cara-cara mereka menyediakan tanaman ini dan cara-cara mereka menyediakan ladang itu yang penting, kalau dilihat, diamati daripada *previous* pengajaran daripada Sambada (188) ini adalah ladang-ladang yang berjaya menghasilkan sampai 8 tan metrik kerana usaha mereka mengendalikan ladang ini.

Jadi perlu kerjasama rapat antara pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan juga para peladang untuk sama-sama mengerjakan usaha-usahanya ini seperti yang telah ditunjuk ajar, seperti yang telah di- *recommend* atau di-*advise* oleh pakar-pakar padi ini. Untuk mendapatkan *yield* yang maksimum. Itulah *one of the major factor* yang menyebabkan kenapa hasil padi kadang-kadang rendah walaupun ia ada potensi untuk tinggi.

Kedua ialah jenis tanah yang ada di Brunei. Kadang-kadang ia adalah tanah masam dan ia *require a lot of intervention* oleh pihak peladang untuk membaiki tanah itu. Itulah antara *challenge* yang dihadapi oleh pihak peladang-peladang padi di negara ini. Walau bagaimanapun pihak Jabatan

Pertanian dan Agrimakanan akan terus berusaha dengan pihak peladang untuk meningkatkan hasil keluaran padi di negara ini.

Dari segi kerbau dan lembu, 2% ke 3% *I think* sudah dimaklumkan bahawa kawasan 'kitani' *very limited*. Jadi kawasan ini kalau dikira membuka ladang seperti yang telah kaola nyatakan *during last MMN*, beberapa puluh ribu hektar untuk bertanam rumput.

Jadi kalau puluhan ribu hektar untuk bertanam rumput *alone* ertinya akan menjejaskan hutan 'kitani'. Kadang-kadang inda praktikal untuk mendapatkan sara diri secara berternak di negara ini tapi *nevertheless* pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian sedang berusaha membuat strategi baharu di mana selain daripada mengimport binatang daripada Australia ada lagi usaha-usaha yang lebih dekat 'kitani' akan menerokai untuk membolehkan 'kitani' mencapai sara diri yang baik, *food security* yang *improved* dari segi lembu dan kerbau.

Pada masa ini, ia masih dalam perundingan dan akan dimaklumkan pada masa yang akan datang untuk mencari strategi bagi membolehkan 'kitani' meningkatkan lagi sara diri dari segi kerbau dan lembu dengan adanya bantuan dari negara jiran.

Dari segi penglibatan belia, memang diakui seperti dalam mukadimah kaola, *I dedicated one section on* belia yang sudah diakui bahawa belia ini ialah pendukung yang akan menjadi pemimpin

dan juga akan menerajui industri pada masa ini.

Seperti yang telah kaola nyatakan tadi, sebanyak 155 orang *بِسْمِ اللَّهِ* sejak-sejak pengenalan program belia ini daripada beberapa tahun lepas seramai 155 orang belia telah aktif berkecimpung dalam perusahaan pertanian dan perikanan dengan adanya skim belia, skim rintis dan projek-projek usaha sama antara pihak kementerian dan juga firma-firma kewangan seperti BIBD dan TAIB. *We are looking for sponsors to promote* penglibatan belia yang aktif dalam pertanian ini *بِسْمِ اللَّهِ*.

Dari segi teknologi pada masa ini, kebanyakan belia yang ikut serta, pihak kementerian menggalakkan penggunaan teknologi tinggi seperti *protective vertical farming* dan *bench farming* yang dibuat pada masa ini. Kebanyakan tempat di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ialah untuk menyediakan prasarana yang mencukupi seperti *land clear*, elektrik dan air. Dengan adanya prasarana tersebut akan memudah cara penggunaan teknologi seperti yang ada di Kampung Tungku pada masa ini.

بِسْمِ اللَّهِ akan diteruskan sebagai tonggak untuk menjana kepada produktiviti yang tinggi kepada pengusaha-pengusaha pertanian. *Agripreneur* akan mengeluarkan hasil yang tinggi, berkualiti dan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola berkenaan soalan-soalan yang telah diajukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita berhenti dahulu perbincangan kita dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Cukuplah dahulu kita bersidang pada pagi ini dan saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula petang nanti seperti biasa mulai pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)